

**MENGGAKI TAHAP KESEDARAN PENGURUSAN KEWANGAN DALAM  
KALANGAN PENIAGA MIKRO DI SEKITAR BANDAR PERDA, BUKIT  
MERTAJAM.**

|                     |                                   |
|---------------------|-----------------------------------|
| <b>10DAT13F1144</b> | <b>SIVATARSINI MURUGESU</b>       |
| <b>10DAT13F1138</b> | <b>REVATHY MURUGIAH</b>           |
| <b>10DAT13F1105</b> | <b>JASINTHA MEYEEESAN</b>         |
| <b>10DAT13F1135</b> | <b>TAASHVINI SAVUNDARAJAN</b>     |
| <b>10DAT13F1009</b> | <b>MUHAMMAD FIRDAUS BIN ANUAR</b> |
| <b>10DAT13F1051</b> | <b>SITI FAIRUS BINTI OSMAN</b>    |
| <b>10DAT13F1111</b> | <b>MUHAMMAD ASRI BIN SHAARI</b>   |

**LAPORAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI DIPLOMA AKAUNTANSI**

**DIPLOMA AKAUNTANSI**

**JABATAN PERDAGANGAN**

**POLITEKNIK SEBERANG PRAI**

**SESI DIS 2015**

## PENGHARGAAN

Dipantatkan kesyukuran kepada Yang Maha Pencipta yang memberikan iman kepada kita semua. Begitu juga dengan rezeki yang dikurniakan dan kesihatan diri yang baik bagi meneruskan tugas sebagai khalifah Tuhan di muka bumi ini.

Pertama kali ucapan jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia kami Puan Syafawati binti Abu Bakar kerana telah banyak membantu dan memberi sokongan serta kerjasama yang tidak terhingga dalam menjayakan penyelidikan ini. Beliau banyak membantu kami dalam memberikan cadangan dan pendapatan yang bernas dalam menyelesaikan penyelidikan ini. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr Nor Hasni Binti Harun selaku pensyarah modul kerana sudi memberikan tunjuk ajar dan panduan dalam menyediakan laporan ini sepanjang kami menjalani penyelidikan. Segala tunjuk ajar yang diberikan amat dihargai dan akan dijadikan sebagai satu pengalaman untuk digunakan pada masa hadapan.

Laporan penyelidikan ini secara amnya mengandungi maklumat-maklumat berkaitan dengan kajian kami yang bertajuk “Mengkaji tahap kesedaran pengurusan kewangan dalam kalangan peniaga mikro di sekitar Bandar Perda, Bukit Mertajam“. Terdapat juga lampiran seperti borong soal selidik yang telah dijalankan bagi membantu kami untuk mencapai objektif kajian.

Akhir sekali, ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat diatas sumbangan yang diberikan, iaitu pihak Politeknik Seberang Perai, pihak responden iaitu peniaga – peniaga mikro di sekitar Bandar Perda, Bukit Mertajam. Terima kasih juga kepada semua yang turut membantu, memberi tunjuk ajar, nasihat, sokongan dan dorongan kepada kami dalam menjayakan penyelidikan ini. Tanpa tunjuk ajar daripada mereka kami mungkin tidak dapat menyiapkan laporan ini dengan sebaiknya.

Sekian, terima kasih.

## ABSTRAK

Di Malaysia, sebuah agensi telah ditubuhkan dengan objektif untuk membangunkan dan mengkoordinasikan program – program IKS iaitu Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana. IKS dalam sektor perkilangan didefinisikan sebagai syarikat yang mempunyai nilai jualan tahunan tidak melebihi RM25 juta dan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 150 orang. Manakala menurut Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) di dalam laporannya pada tahun 1994 telah mendefinisikan IKS dari sudut jumlah modal Industri kecil kurang daripada RM 500,000. Jumlah modal yang diperlukan oleh Industri sederhana ialah RM500,000 hingga RM2.5 juta. Definisi perusahaan mikro yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (NSDC) Kebangsaan (2013) adalah perusahaan atau perniagaan yang mempunyai jualan tahunan yang kurang daripada RM300,000 atau pekerja sepenuh masa yang kurang daripada 5 orang. Kebanyakan pengusaha perniagaan mikro mempunyai kemahiran teknikal dalam bidang perniagaan masing – masing. Namun, mereka selalunya tidak mempunyai kemahiran mengurus yang baik. Sedangkan kemahiran mengurus sangat penting dalam menentukan keupayaan firma untuk bertumbuh dan berkelangsungan. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui tahap kesedaran pengurusan kewangan, pengurusan hutang dan pengurusan simpanan kecemasan dalam kalangan peniaga mikro di sekitar Bandar Perda. Bagi mencapai objektif kajian

maklumbalas dikumpul dari responden berkaitan tahap kesedaran pengurusan kewangan dalam kalangan peniaga mikro. Sebanyak 100 orang responden telah dipilih secara rawak di sekitar Bandar perda dan kaedah tinjauan digunakan dengan mengedarkan soalan soal selidik kepada responden yang terpilih. Hasil dapatan kajian diproses menggunakan system SPSS (*Statistical Package For Social Science*). Dapatan kajian menunjukkan peniaga mikro perlu ada kesedaran yang secukupnya dalam pengurusan hutang, pengurusan kewangan dan pengurusan simpanan kecemasan untuk mendapatkan keuntungan dan mencapai matlamat mereka.

## ISI KANDUNGAN

|   | <b>Halaman</b> |
|---|----------------|
| <b>PENGESAHAN LAPORAN PROJEK</b>                    | ii             |
| <b>PENGAKUAN</b>                                    | iii            |
| <b>PENGHARGAAN</b>                                  | vi             |
| <b>ABSTRAK</b>                                      | viii           |
| <b>KANDUNGAN</b>                                    | x              |
| <b>SENARAI JADUAL</b>                               | xiii           |
| <b>SENARAI RAJAH</b>                                | xiv            |
| <br>  |                |
| <b>BAB 1 PENGENALAN</b>                             |                |
| 1.1 Latar belakang kajian                           | 1              |
| 1.2 Pernyataan masalah                              | 4              |
| 1.3 Objektif kajian                                 | 6              |
| 1.4 Persoalan kajian                                | 6              |
| 1.5 Skop kajian                                     | 6              |
| 1.6 Kepentingan kajian                              | 7              |
| 1.6.1 Kepentingan kajian kepada peniaga mikro       | 7              |
| 1.6.2 Kepentingan kajian kepada pihak bank          | 8              |
| 1.6.3 Kepentingan kajian kepada kerajaan            | 8              |
| 1.6.4 Kepentingan kepada pihak pengkaji akan datang | 8              |
| 1.7 Definisi operasi                                | 9              |
| 1.7.1 Definisi IKS                                  | 9              |
| 1.7.2 Definisi perusahaan mikro                     | 9              |
| 1.7.3 Definisi kewangan                             | 10             |
| 1.7.4 Definisi hutang                               | 10             |
| 1.7.5 Definisi wang kecemasan                       | 11             |
| 1.8 Batasan kajian                                  | 11             |

## **BAB 2 SOROTAN KARYA**

|     |                                    |    |
|-----|------------------------------------|----|
| 2.1 | Pengenalan                         | 12 |
| 2.2 | Pengurusan kewangan                | 13 |
| 2.3 | Pengurusan hutang                  | 14 |
| 2.4 | Pengurusan wang simpanan kecemasan | 18 |

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

|       |   |    |
|-------|---|----|
| 3.1   | Pendahuluan                                       | 19 |
| 3.2   | Rekabentuk kajian                                 | 20 |
| 3.3   | Teknik pengumpulan data                           |    |
| 3.3.1 | Kaedah pengumpulan data                           | 20 |
| 3.4   | Populasi dan sampel                               |    |
| 3.4.1 | Populasi  | 21 |
| 3.4.2 | Sampling  | 22 |
| 3.5   | Instrumen kajian                                  | 22 |
| 3.5.1 | Bahagian A  | 23 |
| 3.5.2 | Bahagian B  | 23 |
| 3.6   | Proses kajian                                     |    |
| 3.6.1 | Mengenalpasti masalah                             | 25 |
| 3.6.2 | Mendapatkan maklumat daripada pihak yang terlibat | 25 |
| 3.6.3 | Pembentukan soal selidik                          | 26 |
| 3.6.4 | Mengedar soal selidik                             | 26 |
| 3.6.5 | Mengumpul soal selidik untuk analisis data        | 26 |
| 3.6.6 | Membuat analisis mengikut hasil kajian            | 27 |
| 3.6.7 | Membuat rumusan dan cadangan                      | 27 |
| 3.6.8 | Jangka masa                                       | 27 |
| 3.7   | Kaedah penganalisan data                          | 28 |
| 3.8   | Analisis kajian rintis                            | 28 |

## **BAB 4 ANALISIS DATA**

|       |                                |    |
|-------|--------------------------------|----|
| 4.1   | Pendahuluan                    | 29 |
| 4.2   | Analisis kebolehpercayaan data | 30 |
| 4.3   | Dapatan kajian                 |    |
| 4.3.1 | Bahagian A                     | 30 |
| 4.3.2 | Bahagian B                     | 42 |
| 4.4   | Kesimpulan                     | 49 |

## **BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

|       |  |    |
|-------|--|----|
| 5.1   | Pengenalan                                   | 50 |
| 5.2   | Ringkasan kajian                             | 51 |
| 5.3   | Perbincangan                                 | 51 |
| 5.3.1 | Perbincangan faktor pengurusan kewangan      | 51 |
| 5.3.2 | Perbincangan faktor pengurusan hutang        | 52 |
| 5.3.3 | Perbincangan faktor pengurusan wang simpanan | 53 |
| 5.4   | Implikasi kajian                             | 54 |
| 5.5   | Cadangan                                     | 55 |
| 5.5.1 | Cadangan Terhadap Peniaga Mikro              | 56 |
| 5.5.2 | Cadangan Terhadap Pihak Bank                 | 56 |
| 5.5.3 | Cadangan Terhadap Kerajaan                   | 57 |
| 5.5.4 | Cadangan Terhadap Pengkaji akan Datang       | 57 |
| 5.6   | Kesimpulan                                   | 58 |

|                    |    |
|--------------------|----|
| <b>BIBLIOGRAFI</b> | 59 |
|--------------------|----|

## **LAMPIRAN**

|            |    |
|------------|----|
| Lampiran A | 62 |
| Lampiran B | 66 |
| Lampiran C | 83 |

## SENARAI RAJAH

| <b>NO. RAJAH</b> | <b>TAJUK</b>  | <b>HALAMAN</b> |
|------------------|---|----------------|
| 4.1              | Taburan responden mengikut jantina                          | 31             |
| 4.2              | Tabuan responden mengikut bangsa                            | 32             |
| 4.3              | Tabuan responden mengikut umur                              | 33             |
| 4.4              | Tabuan responden mengikut kelulusan akedemik                | 35             |
| 4.5              | Tabuan responden mengikut anggaran jualan bulanan           | 36             |
| 4.6              | Tabuan responden mengikut anggaran keuntungan bulanan       | 38             |
| 4.7              | Tabuan responden mengikut bilangan pekerja dalam perniagaan | 39             |
| 4.8              | Tabuan responden mengikut sumber pinjaman modal             | 41             |
| 4.9              | Formula pengiraan min skor purata                           | 42             |

## SENARAI JADUAL

| <b>NO. JADUAL</b> | <b>TAJUK</b>  | <b>HALAMAN</b> |
|-------------------|---|----------------|
| 3.1               | Skala likert  | 23             |
| 4.1               | Jadual analisis kebolehpercayaan data   | 30             |
| 4.2               | Taburan responden mengikut jantina  | 31             |
| 4.3               | Tabuan responden mengikut bangsa  | 32             |
| 4.4               | Tabuan responden mengikut umur  | 33             |
| 4.5               | Tabuan responden mengikut kelulusan akedemik  | 35             |
| 4.6               | Tabuan responden mengikut anggaran jualan bulanan   | 36             |
| 4.7               | Tabuan responden mengikut anggaran keuntungan bulanan   | 38             |
| 4.8               | Tabuan responden mengikut bilangan pekerja dalam perniagaan   | 39             |
| 4.9               | Tabuan responden mengikut sumber pinjaman modal   | 41             |
| 4.10              | Skala Min Skor  | 43             |
| 4.11              | Analisis Soalan Berkaitan Tahap Kesedaran Pengurusan<br>Kewangan dalam kalangan Peniaga Mikro di sekitar<br>Bandar Perda, Bukit Mertajam.     | 44             |
| 4.12              | Analisis Soalan Berkaitan Tahap Kesedaran Pengurusan<br>Hutang dalam kalangan Peniaga Mikro di sekitar<br>Bandar Perda, Bukit Mertajam        | 46             |
| 4.13              | Analisis Soalan Berkaitan Tahap Kesedaran Pengurusan<br>Wang Simpanan dalam kalangan Peniaga Mikro di sekitar<br>Bandar Perda, Bukit Mertajam | 48             |

## **BAB 1**

### **Pengenalan**

#### **1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Pengurusan merupakan satu usaha berterusan bagi membentuk organisasi ke arah mencapai matlamat yang ditetapkan, Stoner et al (1995). Terdapat dua konsep penting dalam menilai pencapaian sesebuah organisasi iaitu kecekapan dan keberkesanan. Kecekapan merujuk kepada usaha membuat sesuatu tugas dengan betul iaitu dengan memadankan pengeluaran atau hasil organisasi dengan sejumlah input yang telah digunakan dalam melaksanakan sesuatu usaha. Manakala keberkesanan bermaksud melakukan pilihan tindakan yang tepat. Secara idealnya kedua – dua konsep tersebut perlu wujud serentak untuk menilai pencapaian pengurus sesebuah organisasi. Walau bagaimanapun ada ketikanya konsep pencapaian tersebut boleh wujud dalam arah yang bertentangan antara satu sama lain.

Oleh itu, seseorang pengurus yang baik perlulah berusaha mencapai kedua – dua kriteria prestasi berkenaan secara serentak. Lazimnya organisasi mempunyai pelbagai tahap pembezaan iaitu daripada pembezaan peringkat mudah sehinggalah kepada peringkat

yang kompleks. Secara tipikal, dalam organisasi yang rendah tahap pembezaannya, semua kerja dilakukan oleh seorang atau beberapa individu sahaja. Justeru, kebanyakan peniaga mikro merupakan peniaga – peniaga yang mengamalkan pembezaan peringkat paling rendah di mana kebanyakan pemilik memainkan pelbagai peranan meliputi peranan sebagai usahawan, pemilik, pengurus dan pekerja harian dalam pelbagai aktiviti operasi dan bidang tugas.

Kebanyakan pengusaha perniagaan mikro mempunyai kemahiran teknikal dalam bidang perniagaan masing – masing. Namun, mereka selalunya tidak mempunyai kemahiran mengurus yang baik. Sedangkan kemahiran mengurus sangat penting dalam menentukan keupayaan firma untuk bertumbuh dan berkelansungan. Menurut Redmond dan Walker (2008), usahawan kecil lazimnya mengamalkan amalan pengurusan yang salah. Oleh itu, kerap kalinya mereka akan mengabaikan fungsi pengurusan tertentu dalam organisasi. Antaranya adalah berkaitan pengurusan kewangan yang mana memerlukan kemahiran teknikal yang khusus. Selain dari itu, usahawan wanita juga mempunyai lebih banyak halangan dalam mengurus perniagaan dengan baik. Hal ini disebabkan mereka perlu mengimbangi peranan sosial dalam rumah tangga seperti menyediakan keperluan harian ahli keluarga dan menjaga anak-anak.

Di Malaysia, hampir 90 peratus daripada jumlah perniagaan yang berdaftar adalah merupakan perniagaan bersaiz kecil dan sederhana (Malaysia, 2010). Namun, menurut Ahmad Rafli et al (2007) kekurangan modal dan kesukaran mendapatkan modal merupakan lumrah yang sering dihadapi oleh golongan usahawan kecil dan sederhana di negara ini. Hal ini disebabkan entiti perniagaan kecil dan sederhana dikaitkan sebagai organisasi yang tidak mempunyai sistem pengurusan kewangan yang lengkap dan berkesan, tidak mempunyai jumlah cagaran dan jaminan yang sesuai untuk memenuhi keperluan institusi pembiaya serta terlalu bergantung kepada dana peribadi usahawan atau dana yang disumbangkan oleh ahli keluarga serta agensi – agensi kerajaan yang berkaitan. Ia bertujuan untuk meningkatkan sumber pendapatan agar mereka dapat membebaskan diri daripada kemiskinan.

Namun begitu, sehingga kini kajian terhadap keupayaan pengurusan kewangan di kalangan peniaga mikro masih belum dapat dilaksanakan secara khusus. Oleh yang demikian, satu kajian dijalankan khusus bagi menilai amalan pengurusan kewangan serta fungsi sokongan utama yang memainkan peranan penting dalam menentukan hayat sesebuah entiti selain daripada fungsi teras seperti pengeluaran produk atau perkhidmatan. Kepentingan dalam pengurusan kewangan lazimnya tidak menampakkan kesan pentingnya diperingkat awal, tetapi semakin organisasi menuju kearah matlamat pertubuhan jangka panjang maka aspek ini akan bertukar menjadi sesuatu yang sangat penting.

Menurut Suraiya et al (2012), peniaga mikro tidak menyedari kepentingan perkara ini sehingga wujudnya keperluan untuk mengembangkan saiz perniagaan mereka kelak. Sekiranya kesedaran tersebut wujud terlalu lewat iaitu pada ketika perniagaan sudah mengalami masalah akibat daripada kelemahan dalam aspek rekod kewangan yang tidak teratur, tidak menyediakan penyata kewangan yang konsisten dan tidak mampu menyediakan belanjawan operasi untuk tujuan permohonan pinjaman, maka proses perkembangan perniagaan akan terganggu. Hal ini menunjukkan bagaimana kelemahan aspek pengurusan kewangan dan pengendalian rekod perakaunan mendatangkan kesukaran kepada pemilik peniaga mikro semasa ingin memohon pinjaman daripada agensi atau bank. Ini kerana pihak agensi pinjaman tidak dapat menilai kedudukan kewangan perniagaan secara sah.

## 1.2 PENYATAAN MASALAH

Menurut, Menteri Kerja Raya, Dato Seri S. Samy Vellu mendedahkan lebih 50 peratus peniaga mikro di Malaysia gulung tikar kurang daripada lima tahun sepanjang masa beroperasi, Utusan Malaysia (2006). Menurut Yg. Berbhg, keadaan ini berlaku kerana peniaga mikro berdepan dengan pelbagai sekatan dan halangan perniagaan antaranya kesukaran mendapatkan modal tambahan dan tidak mampu bersaing dengan syarikat lebih besar.

Datuk Seri S. Samy Vellu menambah pula, keadaan itu pastinya memberikan kesan negatif dari segi sosial dan fizikal kepada penduduk dan ekonomi negara kerana peniaga mikro adalah akar utama pertumbuhan negara. Menurut Yg. Berbhg, usaha serius perlu difikirkan tentang masalah peningkatan kestabilan peniaga mikro, penyediaan keselamatan sosial yang lebih baik serta mengekalkan tenaga kerja yang menambah maju sektor itu.

Dr. Ragayah Mat Zin, Profesor Madya Ekonomi di Universiti Kebangsaan Malaysia, berkata bahawa sementara mereka yang berdaya ketahanan untuk terus hidup daripada kelembapan ekonomi terus bergelut dengan isu – isu yang sentiasa menghantui peniaga mikro, cabaran – cabaran baru pula telah muncul; Utusan Malaysia (2000). Cabaran – cabaran itu sebahagian besarnya di dalam bentuk perubahan pesat dalam teknologi, kesan globalisasi dan liberalisasi perdagangan dan kemunculan ekonomi berasaskan pengetahuan (k – ekonomi). Penerusan isu – isu “ekonomi lama” termasuklah masalah kekurangan modal, kekurangan tenaga kerja, tahap teknologi yang rendah dan kawalan mutu yang lemah, prasarana perindustrian tidak mencukupi dan kurang penggunaan bantuan dari kerajaan.

Dr. Ismail Abd. Wahab dan Profesor Madya Faridah Ahmad (Kedua – dua penulis adalah ahli jawatankuasa ACCA) berkata masih terdapat rungutan dalam kalangan peniaga mikro mengenai kesukaran mereka mendapatkan bantuan kewangan, Utusan Malaysia (2002). Laporan Kajian Perindustrian Malaysia 1999 menunjukkan bahawa masalah

kewangan merupakan faktor utama yang menghalang perkembangan peniaga mikro. Masalah kewangan yang sering dihadapi ialah masalah kekurangan modal.

Selain dari itu, kebanyakan peniaga mikro di negara ini bergantung kepada sumber pinjaman bagi membantu perkembangan perniagaan. Walaupun kebanyakan daripada mereka berjaya memperoleh pinjaman, hampir 60 peratus menghadapi masalah dalam proses untuk mendapatkan pinjaman. Tambahan pula, masalah untuk mendapatkan jumlah pinjaman yang mencukupi juga merupakan satu fenomena biasa di kalangan peniaga mikro, baik di negara membangun mahupun di negara sedang membangun seperti di Malaysia.

Masalah ini sering dikaitkan dengan kegagalan peminjam menyediakan cagaran yang mencukupi. Masa pemprosesan yang lama diambil oleh institusi kewangan untuk meluluskan pinjaman juga merupakan faktor yang boleh menghalang perkembangan perniagaan. Masalah kewangan yang dihadapi oleh peniaga mikro sering dilihat dari sudut permintaan. Jika dikaji dari sudut penawaran, pihak bank dan institusi kewangan mempunyai alasan dan tanggapan yang berbeza.

Dalam keadaan tertentu, usahawan tidak mampu untuk meyakinkan pihak bank mengenai daya maju dan keberuntungan sesuatu perniagaan yang hendak dilaksanakan. Mereka mempunyai kekurangan kemahiran dalam mengemukakan rancangan perniagaan yang baik terutama yang membabitkan rancangan kewangan yang menunjukkan aliran wang tunai dan untung rugi urusniaga yang bakal dilaksanakan.

Mendapati 42 peratus daripada peniaga yang gagal dalam perniagaan adalah kerana mereka tidak pernah membuat perancangan kewangan, Utusan Malaysia (2016). Lantaran itu, kebanyakan mereka menghadapi kesukaran dalam mengawal aliran wang tunai bagi membiayai modal pusingan perniagaan. Semua jenis perniagaan sama ada besar atau kecil perlu menyediakan rancangan kewangan bagi mengawal aktiviti dan prestasi perniagaan.

### 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

- Mengetahui tahap kesedaran pengurusan kewangan dalam kalangan peniaga mikro di sekitar Bandar Perda.
- Mengetahui tahap kesedaran pengurusan hutang dalam kalangan peniaga mikro di sekitar Bandar Perda.
- Mengetahui tahap kesedaran pengurusan simpanan kecemasan dalam kalangan peniaga mikro di sekitar Bandar Perda.

### 1.4 PERSOALAN KAJIAN

- Apakah tahap kesedaran pengurusan kewangan dalam peniaga mikro di sekitar Bandar Perda?
- Apakah tahap kesedaran pengurusan hutang dalam kalangan peniaga mikro di sekitar Bandar Perda?
- Apakah tahap kesedaran pengurusan simpanan kecemasan dalam kalangan peniaga mikro di sekitar Bandar Perda?

### 1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini dijalankan di kawasan sekitar Bandar Perda, Bukit Mertajam. Ia melibatkan 100 orang responden dalam kalangan peniaga mikro di kawasan tersebut.

Kajian ini tertumpu kepada kepentingan pengurusan kewangan yang melibat aspek kewangan, kemahiran dan kesedaran dalam kalangan peniaga mikro. Kajian ini menfokuskan kepada peniaga – peniaga kecil yang berdaftar.

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kepentingan pengurusan kewangan dalam kalangan peniaga mikro di Bandar Perda dengan tujuan untuk mewujudkan kesedaran pengurusan kewangan dalam kalangan mereka kerana kebanyakan peniaga mikro menghadapi kesukaran mendapatkan modal tambahan pada waktu kecemasan. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu peniaga mikro, bank, kerajaan dan pengkaji akan datang.

### 1.6.1 KEPENTINGAN KAJIAN KEPADA PENIAGA MIKRO.

Kajian ini membantu peniaga mikro untuk menjayakan perniagaan mereka. Seterusnya, kesedaran kepada peniaga mikro tentang kepentingan pengurusan kewangan perlu dipertingkatkan lagi. Ini kerana peniaga mikro tidak mengambil peduli tentang pengurusan wang untung bersih yang diperoleh untuk kegunaan masa hadapan. Oleh itu, peniaga mikro perlu menyediakan satu perancangan kewangan di mana wang untung bersih yang bakal diperoleh itu digunakan untuk kegunaan yang tertentu seperti membayar hutang, waktu memerlukan wang kecemasan, atau krisis kewangan dalam perniagaan. Pengurusan kewangan perlu dibuat untuk meneruskan operasi perniagaan akan datang.

#### 1.6.2 KEPENTINGAN KAJIAN KEPADA PIHAK BANK.

Di dalam arus globalisasi ini, peranan dan penglibatan pihak bank adalah amat penting bagi peniaga mikro untuk mendapat wang pinjaman dari bank. Pihak bank dapat memainkan peranan penting agar dapat membantu peniaga mikro dalam mengendalikan kewangan dalam perniagaan masa hadapan dengan cara menawarkan pinjaman kewangan. Kajian ini juga dapat membantu pihak bank dari segi mendapatkan faedah setiap bulan dalam setahun.

#### 1.6.3 KEPENTINGAN KAJIAN KEPADA KERAJAAN.

Kajian ini penting bagi kerajaan kerana peniaga mikro ini dapat membantu meningkatkan sumber pendapatan negara. Walaupun peniaga mikro ini mencapai keuntungan yang rendah, ia dapat membangunan ekonomi negara.

#### 1.6.4 KEPENTINGAN KEPADA PIHAK PENKAJI AKAN DATANG

Kajian baru dibuat dengan lebih mendalam agar maklumat – maklumat yang diperoleh lebih meluas dan meliputi keseluruhan kajian ini. Selain itu, pengkaji akan datang boleh menggunakan kajian yang telah dihasilkan sebagai rujukan kepada mereka. Hasil daripada kajian ini dapat merujuk dari segi format, cara penulisan dan persembahan hasil

## 1.7 DEFINISI OPERASI

### 1.7.1 DEFINISI IKS

Di Malaysia, sebuah agensi telah ditubuhkan dengan objektif untuk membangunkan dan mengkoordinasikan program – program IKS iaitu Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana. IKS dalam sektor perkilangan didefinisikan sebagai syarikat yang mempunyai nilai jualan tahunan tidak melebihi RM 25 juta dan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 150 orang.

Manakala menurut Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) di dalam laporannya pada tahun 1994 telah mendefinisikan IKS dari sudut jumlah modal Industri kecil kurang daripada RM 500, 000. Jumlah modal yang diperlukan oleh Industri sederhana ialah RM 500,000 hingga RM 2.5 juta.

### 1.7.2 DEFINISI PERUSAHAAN MIKRO

Definisi perusahaan mikro yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (NSDC) Kebangsaan (2013) adalah perusahaan atau perniagaan yang mempunyai jualan tahunan yang kurang daripada RM 300,000 atau pekerja sepenuh masa yang kurang daripada 5 orang.

### 1.7.3 DEFINISI KEWANGAN

Kewangan ialah menuntut dan mengemukakan cara – cara dalam mana individu, perniagaan, kenaikan pertubuhan – pertubuhan, peruntukan, menggunakan sumber kewangan sepanjang masa, dan mengambil penting risiko – risiko yang dihadapi dalam melaksanakan projek. Maka dengan itu, makna kewangan membawa maksud – maksud berikut iaitu kajian wang aset – aset, pengurusan dan pengawalan aset – aset berkenaan membentuk profil dan pengurusan risiko projek, sebagai satu kata kerja "untuk membiayai" adalah untuk menyediakan dana – dana untuk perniagaan.

Aktiviti kewangan adalah penggunaan sebuah set teknik – teknik yang digunakan oleh individu dan pertubuhan – pertubuhan (entiti – entiti) untuk mengurus hal ehwal kewangan mereka, terutamanya perbezaan di antara pendapatan dan perbelanjaan dan risiko – risiko pelaburan mereka.

### 1.7.4 DEFINISI HUTANG

Definsi asas untuk hutang ialah sejumlah wang yang dipinjamkan oleh satu pihak kepada pihak lain. Definisi ini tidak menggambarkan bahawa hutang ini merupakan sesuatu yang baik atau buruk. Bagaimanapun apabila anda mengkaji dengan lebih lanjut, hutang terdiri daripada dua jenis iaitu hutang yang bagus dan hutang yang buruk. Hutang yang bagus bermaksud menggunakan duit untuk menjana pendapatan seseorang. Manakala, hutang yang buruk pula bermaksud menggunakan duit tersebut kearah yang tidak menjana pendapatan.

### 1.7.5 WANG KECEMASAN

Amat penting untuk kita melindungi diri kita terlebih dahulu. Prinsip kewangan yang disebutkan adalah untuk melindungi diri kita daripada apa jua kecemasan yang mungkin berlaku. Dalam hidup, malang tidak berbau. Berbagai – bagai perkara boleh terjadi yang akan mengakibatkan masalah kewangan. Tugas kita yang pertama sekali adalah melindungi diri kita.

### 1.8 BATASAN KAJIAN

Setiap kajian terdapat batasan yang tersendiri. Lokasi kajian ini hanya menumpukan pada kawasan Bandar Perda sahaja. Kajian ini dibuat ke atas sampel populasi sahaja sebagai mencari kepentingan pengurusan kewangan. Skop penyelidikan ini juga hanya tertumpu kepada peniaga sahaja. Batasan kajian merujuk kepada kemungkinan wujudnya kelemahan kajian yang diluar kawalan dalam kajian kami. Terdapat beberapa batasan semasa menjalankan kajian ini. Antaranya ialah kesulitan untuk mendapatkan maklumat – maklumat kewangan dari peniaga, kesukaran mengenalpasti peniaga mikro dalam kawasan kajian, kesukaran mengenalpasti maklumat yang diberi benar – benar sah, dan terdapat juga beberapa responden yang kurang memberi kerjasama untuk mendapatkan maklumat.